




SEMINAR KEBANGSAAN

ADAT PERPATIH & WILAYAH BUDAYA NEGERI SEMBILAN

3-5 • MEI • 1984

DI UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA
SERDANG, SELANGOR.

**TANAH-TANAH TERBIAR : SATU CADANGAN
PEMBANGUNAN.**

oleh:

**MOHD SHAH BIN HJ. LASSIM
NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM**



Anjuran Bersama:

**Universiti Pertanian Malaysia,
Kerajaan Negeri Sembilan, dan
Kementerian Kebudayaan, Belia
dan Sukan, Malaysia.**

TANAH-TANAH TERBIAR : SATU CADANGAN PEMBANGUNAN

Oleh

MOHD. SHAH BIN HJ. LASSIM *
NORHALIM BIN HJ. IBRAHIM **

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Keadaan kemiskinan yang terus berlaku di kalangan petani-petani pada masa kini, walaupun dengan terlaksananya pelbagai projek di bawah rancangan pembangunan Dasar Ekonomi Baru menggambarkan satu "paradox" dan menimbulkan persoalan kenapa terdapatnya tanah-tanah pertanian yang sebegitu luas sekali yang dahulunya mengeluarkan hasil, tetapi dihari ini tinggal begitu sahaja dengan tidak diusahakan lagi. Sebaliknya dengan usaha-usaha pembangunan yang telah dan sedang berjalan tanah-tanah yang sesuai untuk bertani adalah menjadi sumber yang semakin berkurangan. Tetapi di sekitar kampung seluruh negara pemandangan yang sering didapati ialah tanah-tanah yang terbiar samada kosong sahaja ataupun sudah dinaiki rimba menjadi belukar muda dengan pohon-pohon kelapa dan pokok buah-buahan tanaman nenek moyang dahulu sudah menjadi saka dan hidup terbiar dalam belukar itu.
- 1.2 Adalah dianggarkan bahawa terdapat seluas kira-kira 880.000 hektar (2.3 juta ekar) tanah di Semenanjung Malaysia terbiar ataupun tidak diusahakan sepenuhnya. Negeri Sembilan merupakan salah sebuah daripada negeri-negeri yang mengandungi tanah rang yang luas. Keadaan ini mempunyai implikasi terhadap

* Prof. Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.

** Pensyarah, Jabatan Sains Kemasyarakatan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.

Kertaskerja dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Adat Pepatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan anjuran bersama Kerajaan Negeri Sembilan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, dan Universiti Pertanian Malaysia, yang berlangsung di Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, pada 3 - 5hb. Mei, 1984.

usaha membasmi kemiskinan di bawah program pembangunan Dasar Ekonomi Baru.

- 1.3 Tujuan kertas ini ialah untuk mengkaji masalah-masalah yang berkaitan dengan tanah terbiar di Negeri Sembilan dengan menumpukan perhatian terhadap tanah-tanah adat (tanah pesaka) yang tidak diusahakan lagi.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Selepas mencapai kemerdekaan tahun 1957 Kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh dengan sedaya upayanya untuk memperluas peluang-peluang pekerjaan, membasmi kemiskinan dan seterusnya mempertingkatkan mutu penghidupan masyarakat terutama sekali di kalangan rakyat desa. Pada ketika itu lebih separuh daripada tanah-tanah yang sesuai untuk pertanian masih belum diusahakan lagi. Maka dengan itu dasar yang dilaksanakan adalah berasaskan kepada pendekatan bahawa untuk memperluas peluang-peluang pekerjaan tadi haruslah berkisar di atas usaha bagi peningkatan produktiviti pertanian. Dengan cara itu, di samping menjamin pekerjaan kepada rakyat desa kemakmuran hidup akan dapat dinikmati dengan terdapatnya berlebihan pengeluaran pertanian yang seterusnya akan memberikan pulangan ganjaran yang tinggi kepada pengusaha-pengusaha pertanian.
- 2.2 Oleh yang demikian usaha-usaha telah ditumpukan dengan pembukaan tanah secara berluas-luasan. Kawasan-kawasan hutan setelah dikaji dan didapati sesuai untuk pertanian dibuka dan ditanam dengan getah dan kelapa sawit iaitu dua jenis tanaman yang boleh menghasilkan pulangan tinggi sebagai komoditi eksport. Dengan itu juga maka agensi-agensi Kerajaan yang khusus dipertanggungjawabkan bagi tugas-tugas pembukaan tanah seperti FELDA, FELCRA dan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri telah ditubuhkan. Dengan adanya badan-badan berkanun ini sebagai jentera pembangunan kegiatan bagi mengusahakan tanah-tanah baru telah dapat dilaksanakan

secara yang amat berkesan.

- 2.3 Kejayaan rancangan pembukaan tanah ini sebagai pusat-pusat pembangunan pertanian sangatlah jelas sekali dan tidak dapat dinafikan lagi sehingga menimbulkan satu keadaan pada hari ini bahawa jurang perbezaan pendapatan di antara peneroka-peneroka FELDA dengan penduduk-penduduk kampung asal semakin jauh jaraknya. Keadaan ini menjadi satu tarikan kepada sebilangan besar keluarga-keluarga desa untuk memohon mengambil bahagian dalam rancangan pembukaan tanah dan berhijrah dari kampung asal masing-masing ke kawasan-kawasan perkampungan yang baru.
- 2.4 Selain daripada itu Kerajaan juga telah menumpukan usaha dan tenaga bagi pembangunan perdagangan dan perindustrian dalam ikhtiar untuk menseimbangkan pendapatan di antara penduduk desa dengan penduduk bandar. Sungguhpun ikhtiar ini dapat membuka peluang-peluang pekerjaan yang banyak dan meningkatkan pendapatan, tetapi keadaan ini juga adalah menjadi punca penghijrahan penduduk-penduduk kampung ke bandar-bandar. Pertumbuhan yang pesat di sektor perdagangan dan perindustrian dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat meningkatkan lagi penghijrahan desa bandar. Dengan adanya peluang-peluang pekerjaan yang banyak akibat pertumbuhan sektor perindustrian serta memberikan jaminan pendapatan yang tinggi dan stabil, maka faktor ini juga menjadi satu penghalang kepada pertumbuhan sektor pekebun-pekebun kecil. Dengan adanya punca-punca pendapatan yang lain yang lebih lumayan sebagai pilihan maka usaha pencarian yang semata-mata bergantung kepada pertanian semakin merosot dan tidak ada tarikan lagi. Oleh sebab itu lebih ramai bilangan tuan tanah terutamanya mereka yang mempunyai keluasan yang tidak ekonomik serta ramai bilangan pekerja-pekerja kampung yang lain meninggalkan kampung masing-masing untuk mencari rezki di tempat-tempat lain di bandar-bandar.

2.5 Sekarang faktor-faktor inilah yang menjadi masalah dan merupakan punca utama kenapa banyak tanah-tanah kampung yang tertinggal begitu sahaja. Masalah ini amat sukar untuk diatasi. Masyarakat harus memandang serius kepada masalah ini serta berusaha mencari penyelesaiannya supaya kerugian yang besar kepada negara yang telah berlaku akan dapat disekat.

3. TAKRIF

- 3.1 Ada banyak nama yang diberikan kepada tanah-tanah yang tertinggal dengan tidak diusahakan dan tidak lagi mengeluarkan hasil yang sepenuhnya. Nama yang sering kali dipakai dan dipopularkan ialah "Tanah Terbiar". Di sebelah Utara Semenanjung, ini juga dikenali sebagai "Tanah Rang". Sekarang sudah terdapat pula gelaran tanah-tanah kosong di persekitaran kampung terutama sekali tanah-tanah sawah ataupun dusun-dusun tinggal dengan panggilan sebagai "Janda Terlentang". Gelaran demikian agak sesuai juga kerana memberikan kiasan bahawa tanah kosong itu adalah ibarat seorang gadis yang dahulunya cantik, muda serta telah bersuami dan telah melahirkan beberapa orang anak, tetapi kini agak sudah tua sedikit dan ditinggalkan begitu sahaja walaupun masih berkemampuan untuk menjadi produktif lagi.
- 3.2 Pengertian umum yang diberikan kepada tanah terbiar ini ialah sebidang tanah yang telah dikeluarkan hak milik tetapi ditinggalkan begitu sahaja ataupun tidak diusahakan sepenuhnya untuk pengeluaran hasil yang maksima. Sawah-sawah yang dikerjakan pada satu musim sahaja dan tidak diusahakan pada masa yang lain adalah termasuk dalam pengertian ini.
- 3.3 Mengikut kanun Tanah Negara pula tanah terbiar ialah tanah yang terbiar selama 3 tahun berturut-turut. Tanah sawah terbiar di luar musim ialah tanah sawah yang ditanam sekali setahun sahaja pada hal ia boleh ditanam dengan tanaman kontan

yang lain seperti jagong, tembakau, sayur-sayoran dan lain-lain lagi selepas penanaman padi yang boleh mendatangkan faedah. Dalam kontek difinasi di atas tanah-tanah seumpama itu adalah termasuk juga sebagai tanah terbiar atau tanah rang.

3.4 Di Negeri Sembilan khususnya ada dua kategori tanah yang termasuk dalam golongan ini terdiri daripada sawah, dusun atau pun tanah kampung (kawasan rumah). Kedua-dua kategori ini ialah:-

- (i) Harta Pesaka (Tanah Adat)
- (ii) Harta Carian

3.4.1 Harta Pesaka (Pesaka Benar)

Ialah Tanah Adat merupai tanah dapatan seperti sawah, dusun dan ladang yang diwarisi turun-temurun dari ibu kepada anak perempuan. Harta-harta ini tidak menjadi hak kaum lelaki buat selama-lamanya tetapi menjadi hal mutlak kaum wanita menerusi giliran daripada satu genarasi kepada genarasi berikutnya.

3.4.2 Harta Carian

Harta Carian pula ialah harta-harta di luar Tanah Adat yang dicari atau dibeli oleh seseorang itu yang dipunyai atau dimilikinya dengan cara samada pemberian dari pihak lain ataupun membeli dengan usaha titik peluh seseorang itu sendiri.

Harta-harta ini termasuklah harta carian sebelum seseorang itu berkahwin yang merupakan harta sekutu atau harta pembawaan setelah ia berkahwin kelak dan harta-harta milik bersama yang dikenal juga sebagai harta suarang, iaitu harta carian semasa perkongsian hidup antara suami dan isteri yang dimiliki bersama.

3.5 Tanah-tanah terbiar yang banyak terdapat di Negeri Sembilan

adalah terdiri daripada kedua-dua kategori tanah seperti perenggan 3.4.1 dan 3.4.2 di atas. Yang ketara sekali keadaannya ialah tanah adat jika dibandingkan dengan tanah atau harta carian. Ini adalah disebabkan bahawa kebanyakan daripada harta carian itu ditanam dengan tanaman tetap seperti getah, dusun buah-buahan, kelapa sawit dan sebagainya yang sedikit sebanyak masih ada mengeluarkan hasil.

- 3.6 Perbincangan yang ditumpukan dalam kertas ini ialah untuk mencari jalan mengadakan ikhtiar bagi pemulihan tanah-tanah yang terbiar itu supaya dapat mengeluarkan hasil semula.

4. KELUASAN TANAH

- 4.1 Mengikut satu kajian yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian Malaysia tahun 1979 didapati bahawa 880,000 hektar (2.3 juta ekar) tanah pertanian termasuk kawasan kampung telah tinggal terbiar di seluruh Semenanjung Malaysia.
- 4.2 Daripada jumlah tersebut, 397,493 ekar adalah tanah sawah. Seluas 177,394 ekar daripadanya terbiar berpanjangan dan 220,099 ekar cuma diusahakan satu musim sahaja. Lebih daripada 200,000 keluarga tani terlibar dengan tanah terbiar.
- 4.3 Sebahagian daripada ini termasuklah tanah-tanah terbiar yang terdapat di Negeri Sembilan. Jumlah keluasan tanah semuanya di Negeri Sembilan dan jumlah tanah pertanian yang termasuk komponen tanah adat adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Keluasan Tanah di Negeri Sembilan

Kenyataan	Luas (Ekar)
Jumlah Keluasan Semua	1,642,183
Keluasan Semua Tanah Pertanian	1,016,106
Komponen Tanah Adat	34,551

Punca: Jabatan Ukur Negeri Sembilan, Seremban.

- 4.4 Negeri Sembilan mempunyai jumlah keluasan tanah sebanyak 1,642,183 ekar yang mengandungi 1,100,106 ekar tanah pertanian termasuk 34,551 ekar tanah sebagai tanah adat atau tanah pesaka. Bahagian yang besar tanah adat ini ialah tanah sawah dan kampung.
- 4.5 Mengikut kajian yang sama taburan tanah-tanah terbiar di seluruh Negeri Sembilan mengikut Daerah adalah seperti angka-angka dalam Jadual 2.
- 4.6 Jumlah semua keluasan tanah terbiar di Negeri Sembilan ialah 36,052 ekar terdiri daripada 23,192.5 ekar (65.06%) yang terbiar berpanjangan dan 12,453.5 ekar (34.94%) terbiar di luar musim sahaja. Jumlah keluarga tani yang terlibat 19,337 dengan jumlah purata anggota bagi tiap-tiap keluarga seramai antara 4 - 5 orang. Majoritinya ialah tanah sawah yang tidak diusahakan lagi dan hampir kesemuanya adalah merupakan tanah-tanah adat.
- 4.7 Taburan keluasan tanah adat mengikut Daerah di Negeri Sembilan adalah seperti angka-angka dalam jadual 3.

Jadual 2

Taburan Tanah Terbiar Mengikut Daerah di Negeri Sembilan

Kenyataan	Daerah dan Keluasan (Ekar)							Jumlah
	Jelevu	K.Pilah	Jempol	Rembau	Tampin	Seremban	P.D'son	
Luas Terbiar	3,759	13,337	2,934	7,218	2,648	5,131	1,025	36,052
1) Berpanjangan	2,153.5 (57.29%)	8,881 (66.59%)	1,644 (56.03%)	5,482 (75.90%)	1,336 (50.45%)	3,042 (59.29%)	654 (63.80%)	23,192.5 (65.06%)
2) Luar Musim sahaja	1,605.5 (42.71%)	4,456 (33.41%)	1,290 (43.97%)	1,736 (24.10%)	1,312 (49.55%)	1,683 (32.80%)	371 (36.20%)	12,453.5 (34.94%)
Jumlah Keluarga Tani	1,624	7,204	1,769	4,189	1,529	2,651	371	19,337
Jumlah Purata Anggota Keluarga Tani	5.04	4.1	4.05	4.8	4.96	4.1	3.7	4.39

Punca: Jabatan Pertanian Negeri Sembilan, Seremban.

Jadual 3

Taburan Keluasan Tanah Adat Mengikut Daerah di Negeri Sembilan

Kenyataan	D A E R A H							Jumlah
	Jelevu	K.Pilah	Jempol	Rembau	Tampin	Seremban	P.D'son	
Bil. Lot	64	9,950	809	8,261	1,013			20,097
Jumlah Bil. Geran	63	9,973	751	8,587	992	NIL	NIL	20,366
Jumlah Keluasan (Ekar)	96	18,000	1,699	12,698	2,072			34,565

Punca: Jabatan Ukur Negeri Sembilan, Seremban.

4.8 Jadual 3 menunjukkan angka-angka bilangan lot dan bilangan geran serta jumlah keluasan tanah adat di Negeri Sembilan. Oleh kerana pemecahan tanah akibat pembahagian antara waris-waris yang berhak keluasan tanah menjadi sempit dan tidak ekonomis untuk diusahakan. Purata keluasan bagi tiap-tiap geran tanah mengikut kiraan angka dalam jadual 3 ialah cuma 1.697 ekar sahaja. Ada kemungkinan pula bahawa tiap-tiap geran itu mengandungi beberapa nama yang menunjukkan kepunyaan bersama di antara waris-waris yang berhak. Keluasan yang seumpama ini terlalu sempit bagi satu perusahaan pertanian yang boleh menampung sara hidup untuk sesuatu keluarga dengan cukup.

5. FAKTOR YANG MENYEBABKAN TANAH MENJADI TERBIAR

5.1 Faktor-faktor yang menyebabkan keluasan tanah menjadi terbiar kian meningkat dari masa ke semasa adalah banyak. Seseengah daripada sebab-sebab itu amat kompleks mengandungi pelbagai faktor, manakala yang lainnya adalah semata-mata disebabkan oleh faktor ekonomi. Walau apa juapun sebabnya, implikasinya ialah tanah yang terlibat tidak diusahakan secara berkesan dan ini merupakan satu pembaziran yang mengakibatkan kerugian yang besar kepada negara dan juga menjejaskan usaha pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Antara faktor-faktor penting adalah bercorak sosio-budaya dan ekonomi.

5.2 Faktor Sosio-Budaya

5.2.1 Sikap masyarakat pada umumnya terhadap pertanian sudah jauh berubah. Kalau generasi yang dahulu mementingkan usaha pertanian kerana itulah yang menjadi punca utama bagi penyaraan hidup mereka, generasi masa kini tidak lagi mengindahkan sangat usaha-usaha bertani. Sebilangan besar golongan masyarakat menganggap bahawa bertani itu adalah susah dan serik kerjanya, kotor atau cemar, tidak dapat men-

datangkan hasil yang tinggi dan mencukupi serta mempunyai martabat yang paling rendah. Anak-anak semenjak dari kecil lagi sudah tidak diberi galakan. Sudah menjadi kebiasaan ibu bapa atau penjaga pada masa sekarang, walau orang-orang kampung sekalipun, menyuruh dan menggalakkan anak-anak mereka untuk rajin-rajin bersekolah supaya dapat mencapai kelulusan yang tinggi dan menjawab pekerjaan yang baik yang boleh memberikan pergajian yang lumayan. Jarang-jarang sahaja yang terdapat supaya seseorang anak itu selepas tamat pendidikannya digalakkan untuk balek ke kampung dan meneruskan kerja bertani. Sikap negatif ini sudah ditanamkan semenjak awal lagi dan muda-mudi yang bakal menggantikan ibu bapa mereka tidak berkecenderungan untuk menetap di kampung mengusahakan tanah-tanah perladangan.

Cuma golongan yang cuba mencebur diri dalam pertanian adalah mereka yang sudah gagal dalam lain-lain usaha ataupun setelah bersara daripada pekerjaan dan masih sehat tubuh badan, sebagai askar atau polis pencen misalnya. Golongan inipun kadang-kadang tidak juga menetap di kampung, tetapi sebaliknya berikhtiar mencari kerja lain di bandar-bandar ataupun di-hantar terus menyertai rancangan pembangunan tanah di mana-mana tempat yang sesuai. Yang ingin menetap di kampung setelah ber-pencen tidak pula berpengalaman untuk menjalankan usaha pertanian. Umur sudah meningkat dan besar kemungkinan akan mengalami kegagalan sekiranya berbuat demikian. Akhirnya mereka mencari pekerjaan lain juga. Ini menjadi satu delima sekarang dan salah satu daripada punca tanah menjadi terbiar.

5.2.2 Enakmen Tanah Adat 1911, Cap. 125 (Customary Land Enactment, 1911)

Peraturan ini menyatakan bahawa tanah yang berdaftar pada tarikh itu adalah keluasan tanah yang muktamad dan tidak dibenarkan bertambah lagi di seluruh Negeri Sembilan. Sungguhpun ada syarat-syarat yang menyatakan bahawa tanah

yang diwariskan kepada kaum perempuan yang bukan tanah adat boleh dijadikan tanah pesaka sekiranya dipohon, tetapi dalam keadaan yang sebenarnya tidak banyak yang memohon berbuat demikian. Akibatnya dengan tidak ada lagi pertambahan, tanah pesaka menjadi semakin sempit dengan bertambahnya bilangan penduduk. Tanah dipecah-pecah menjadi petak-petak kecil dan tidak ekonomis untuk diusahakan. Oleh itu tanah dibiarkan begitu sahaja dan tuan punya terpaksa berhijrah ke tempat lain untuk mencari rezki sekiranya tidak ada tekanan yang mencukupi di kampung.

5.3 Faktor Ekonomi

Walaupun faktor-faktor berikut ini merupakan faktor ekonomi tetapi sebenarnya adalah berkait juga dengan masalah-masalah lain seperti masalah sosial, kebudayaan dan teknikal. Antara faktor-faktor yang terlibat adalah seperti berikut:-

1. Keluasan tanah yang tidak ekonomis.
2. Penanaman padi yang tidak sama sekata.
3. Kesuburan tanah yang merosot.
4. Keadaan air yang tidak mencukupi
5. Penghijrahan kerana menyertai rancangan pembangunan tanah.
6. Penghijrahan dari kampung ke bandar.
7. Keluarga tua.

5.3.1 Keluasan tanah yang tidak ekonomis

Oleh kerana bilangan penduduk kian meningkat dan keluasan tanah-tanah sawah, dusun dan kampung tidak bertambah, maka akibat pemecahan tanah ketika pembahagian antara waris-warisan yang berhak, keluasan tanah yang dipunyai oleh seseorang itu menjadi kecil. Di Negeri Sembilan ~~umunya~~ tanah-tanah sawah atau dusun yang merupakan harta pesaka mempunyai taraan keluasan dalam lingkungan 0.5 - 3 ekar sahaja. Bagi sesuatu keluarga yang mempunyai tiga ekar

atau lebih tanah sawah adalah dianggap sebagai luar biasa. Bahkan banyak bilangan keluarga yang mempunyai kurang daripada satu ekar tanah sawah atau tanah kampung.

Bidang-bidang tanah yang kecil-kecil seumpama ini tidak akan mengeluarkan hasil yang memuaskan walau bagaimana sekalipun berkesannya pengurusan dan teknologi yang digunakan. Kerja menanam padi adalah intensif dan berat. Ianya memerlukan tenaga yang banyak dan jagaan yang rapi. Dengan keluasan tanah yang sempit perusahaan ini tidaklah menguntungkan. Oleh sebab itu tidak ada insentif bagi keluarga-keluarga yang berkenaan untuk mengusahakannya. Ini menjadi salah satu punca berlakunya situasi tanah terbiar.

5.3.2 Penanaman padi yang tidak sama sekata

Satu lagi yang menjadi penghalang, terutamanya kepada penanam padi ialah usaha yang tidak sama sekata. Dalam sesuatu kawasan bendang, mungkin terdapat satu keadaan tanaman yang bertelau-telau antara petak-petak yang ditanam berselang-seli dengan petak yang tidak diusahakan. Kadang-kadang pula peringkat penanaman tidak sama di antara satu kampung dengan satu kampung yang berhampiran. Misalnya, di satu kawasan anak-anak padi baru lepas dirumput dan di satu kawasan kampung yang berhampiran pula padi sudah mula menerbitkan bunga. Keadaan yang seumpama ini pernah berlaku dan tanaman adalah terdedah kepada ancaman musuh seperti tikus, burung dan sebagainya. Keadaan seumpama itu pernah menyebabkan kegagalan kepada pengusaha-pengusaha dan tidak menikmati labanya selepas mencurahkan usaha yang gigih. Akibatnya putus asa dan berhenti mengerjakannya sama sekali di musim-musim berikutnya.

5.3.3 Kesuburan tanah yang merosot

Bendang padi dan juga dusun-dusun sudah berpuluh atau ratusan

tahun diusahakan. Walaupun membaja menjadi satu amalan umum pada masa kini dalam usaha pertanian, tetapi masih ramai bilangan petani tidak mengamalkan pembajaan secukupnya. Tidak dinafikan adanya skim bantuan baja sama ada untuk padi ataupun getah di bawah rancangan-rancangan Kerajaan yang tertentu. Oleh kerana keadaan kewangan yang terdesak ramai petani-petani menjualkan baja yang diperolehinya. Kadangkala oleh kerana sikap di kalangan sesetengah petani pula baja-baja itu tersimpan di bawah rumah sahaja dan tidak mencapai matlamat asalnya. Untuk memberi secara bersendirian tidak ramai kita dapati sebab kurang kemampuan dan harga baja dagang adalah mahal. Kesuburan tanah menjadi dawas sekiranya diusahakan berterusan dengan tidak dibantu dengan pembajaan. Penghasilan semakin merosot dan tidak menguntungkan. Ini menjadi salah satu lagi sebab kenapa tanah-tanah asal terutama sekali bendang padi tidak diusahakan.

5.3.4 Keadaan air yang tidak mencukupi

Ini adalah juga menjadi salah satu sebab lagi tanah sawah tidak diusahakan. Kejayaan penanaman padi bergantung antara lain faktor kepada kedapatan bekalan air yang suki atau yang mencukupi. Lazimnya di Negeri Sembilan bekalan air bagi maksud penanaman padi bergantung kepada dua punca iaitu, (a) dari sungai dengan pembinaan empangan (Empangan Batu), dan (b) Semata-mata bertumpu kepada bekalan air hujan.

Banyak empangan dibina dengan tidak dijalankan kajian yang teliti terlebih dahulu sebelum pembinaan dilakukan. Walaupun takungan air dapat dilaksanakan tetapi sesetengah kawasan tidak dapat menggunakannya kerana saluran air yang dibina adalah lebih rendah daripada parasan permukaan sawah. Akhirnya air yang sepatutnya masuk ke petak-petak sawah tidak terlaksana. Sebaliknya air dari petak-petak sawah itu keluar dan berlaku kekeringan.

Sementara itu pula akibat pembukaan tanah dan menebang hutan secara berluas-luasan anak-anak sungai menjadi kering dan menjejaskan bekalan air ke sawah. Faktor ini penting dan merupakan satu punca yang menyebabkan tanah-tanah sawah menjadi terbiar kerana tidak cukup bekalan air.

5.3.5 Penghijrahan kerana menyertai rancangan pembukaan tanah.

Kejayaan Kerajaan membuka perkampungan baru dan kawasan-kawasan pertumbuhan pertanian yang luas dan terperancangan menerusi kegiatan-kegiatan agensi yang khusus untuknya seperti FELDA, FELCRA, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri dan lain-lain amatlah jelas lagi. Tetapi sebaliknya peneroka yang mengambil bahagian dalam rancangan pembukaan tanah itu adalah terdiri daripada ahli-ahli keluarga yang masih muda dan tegap daripada kampung-kampung tradisional. Mereka ini adalah golongan yang mengusahakan tanah-tanah kampung sebelum berpindah ke tempat-tempat baru mereka. Dengan penghijrahan golongan tenaga ini satu keadaan ke kurangan tenaga pula berlaku di kampung asal kerana yang tinggal cuma golongan tua-tua sahaja yang sudah kurang upaya untuk membantingkan tulang ataupun golongan yang paling muda yang masih bersekolah iaitu anak-anak peneroka atau pekerja yang tidak mengikuti keluarga atas oleh sebab-sebab tertentu dan tinggal bersama orang tua di kampung. Keadaan seumpama ini sering berlaku dan menjadi sebab kegagalan pengusahaan tanah-tanah kampung yang sedia.

5.3.6 Penghijrahan dari kampung ke bandar

Dengan perkembangan perdagangan dari perindustrian yang pesat di bandar-bandar peluang-peluang pekerjaan sudah banyak terbuka. Industri terutamanya industri ringan (light industries) tidak lagi ditumpukan di bandar-bandar besar, bahkan dibawa ke-pesekitaran kawasan yang berhampiran dengan kampung-kampung seperti Senawang, Diok (Kuala Pilah), Nilai dan lain-lain

tempat lagi. Dengan adanya peluang pekerjaan dan jaminan pendapatan yang tetap setiap bulan adalah menjadi tarikan besar kepada penduduk-penduduk kampung untuk bekerja di-kilang-kilang yang telah didirikan. Maknanya tenaga ini telahpun terlepas daripada perusahaan pertanian dan akhirnya tanah kampung menjadi terbiar.

Sementara itu ramai pula yang terus menetap secara kekal di tempat-tempat berhampiran dengan tempat bekerja. Inilah yang menjadi golongan "Absentee Landlord" dengan tanah-tanah mereka di kampung di pawah kepada orang lain atau ditinggalkan begitu sahaja menjadi belukar semula.

5.3.7 Keluarga Tua

Sesetengah keluarga yang sihat dan meungkin boleh berkerja lagi sudahpun tidak berminat untuk berbuat demikian. Mereka ini mempunyai anak-anak yang ramai yang sudah dewasa dan masing-masingnya sudah bekerja. Tiap-tiap bulan ibu bapa diberi habuan yang mencukupi oleh anak-anak yang sudah berkerja ataupun dibawa bersama-sama anak mereka untuk menetap di bandar. Keadaan begini banyak terdapat dan tanah-tanah di kampung tidak lagi diurus untuk menghasilkan apa-apa. Cuma menunggu pokok-pokok yang sedia ada itu sahaja mengeluarkan buah apabila sampai musimnya nanti.

5.4 Pencemaran alam sekitar

Salah satu lagi sebab yang mengakibatkan tanah-tanah terutama sekali bendang padi menjadi terbiar adalah oleh kerana pencemaran alam sekitar. Dua faktor yang nyata boleh didapati iaitu:

- (1) Pencemaran dari Kilang Pemerosesan
- (2) Hakisan Tanah

5.4.1 Pencemaran dari kilang pemerosesan

Kilang-kilang untuk memproses getah atau minyak sawit banyak terdapat di tempat-tempat yang berhampiran dengan tanah kampung dan sawah. Air buangan dari kilang-kilang ini masuk terus sama ada ke dalam sungai-sungai ataupun mengikuti saluran-saliran arah ke bendang. Air masam ini menyebabkan kemasaman tanah sawah kian meningkat hingga menjejaskan kemampuan tanah itu bagi penanaman pokok-pokok. Kesuburan tanah merosot dan tidak lagi sesuai untuk ditanam dengan padi. Akhirnya ditinggal terbiar sahaja.

Seolah-olah sudah jatuh ditimpa tangga pula disebabkan oleh kemasaman air tadi ikan, udang dan lain-lain hidupan dalam sungai sama-sama menjadi mangsa dan musnah.

5.4.2 Hakisan tanah

Banyak terdapat kawasan-kawasan terutamanya kebun-kebun getah yang dijadikan tapak-tapak bagi projek perumahan ataupun bagi pembinaan jalan-jalan raya. Pokok-pokok di bukit atau di lerengan bukit ditebang dan tanah ditolak serta diratakan dengan jentolak. Tempat-tempat tinggi menjadi rendah dan tempat-tempat lembah ditimbun semula. Kawasan-kawasan ini menjadi terbuka dan tidak dinaungi lagi oleh pokok-pokok. Apabila hujan hakisan menjadi-jadi secara berleluasa. Oleh kerana permukaan tanah sudah berubah, lurah-lurah baru pun sudah timbul dan arus air mengalir sudah menjadi bercelaru. Keadaan ini menimbulkan masalah dengan terdapatnya hakisan tanah yang tidak terkawal. Tempat-tempat lembah tertimbus dengan tanah yang dihakis dari bukit-bukit. Tanah lembah ini kebanyakannya ialah tanah sawah yang menjadi mangsa. Permukaan tanah sawah tertimbus dengan tanah (subsoil) dari bukit yang tidak mengandungi apa-apa bahan organik. Parasannya juga tinggi daripada saluran air. Oleh itu selain daripada tanah menjadi dawas (tidak berbaja), air juga tidak dapat masuk ke dalam lopak sawah. Yang demikian tanah bendang yang terlibat ditinggalkan begitu sahaja.

- 5.5 Dengan kenyataan seperti yang tertulis di atas tadi sangatlah nyata didapati bahawa sebab-sebab tanah menjadi terbiar amat kompleks sekali. Semua faktor-faktor yang telah diterangkan memberi kesan kepada penghidupan petani-petani dan pekebun-pekebun kecil. Keadaan ekonomi yang terdapat di persekitaran kampung asal atau kampung tua sangatlah terdesak. Lebih-lebih lagi terdesaknya dengan harga barang-barang terutama sekali keperluan asas seperti bahan makanan dan pakaian yang semakin melambung tinggi sehari demi sehari. Maka tidak hairanlah kenapa sebegitu ramai sekali bilangan penduduk-penduduk kampung yang berhijrah ke tempat-tempat lain untuk mencari nafkah yang boleh menjamin untuk menampung kesempurnaan hidup mereka. Taraf hidup bagi mereka yang berhijrah sebagai peneroka ke kawasan perkampungan^{baru} adalah tinggi dan amat berbeza sekali jika dibandingkan dengan mereka yang masih tinggal di kampung yang sedia.
- 5.6 Oleh itu keadaan ini harus diperbaiki dan penyelesaiannya hendaklah dicari dengan kadar yang segera bagi mengatasi kemiskinan yang masih berlaku di desa-desa sementara golongan rakyat lain mengecap nikmat kemakmuran negeri ini. Satu-satunya usaha yang perlu dilakukan dengan tidak berlengah-lengah lagi ialah untuk membentaras tenaga bagi pemulihan tanah terbiar yang sebegitu luas dan telah tidak diusahakan untuk mendatangkan hasil semula.

6. STRATEGI PEMULIHAN TANAH TERBIAR

- 6.1 Satu strategi yang komprehensif perlu dirancang untuk menjalankan kegiatan bagi pemulihan tanah-tanah yang terbiar semoga dengan kegiatan yang terancang itu akan dapat meningkatkan pengeluaran pertanian dan seterusnya akan dapat meningkatkan pula mata pencarian para petani sekalian. Tetapi sebelum apa-apa perlangkahan dapat dibuat satu perubahan dari segi konsep pertanian perlulah dilaksanakan.

- 6.2 Kalau diperhatikan petani-petani kita masih lagi menganggap bahawa usaha bertani itu adalah semata-mata sebagai satu cara hidup sahaja. Ini jelas dapat diperlihat sekiranya kita membuat penganalisaan secara umum tatacara penghidupan penduduk-penduduk kampung yang tidak berhijrah ke mana-mana. Lazimnya punca pendapatan bergantung kepada getah sebagai pekebun kecil yang diusahakan sebelah pagi sama ada daripada tanah sendiri ataupun pawahan daripada tanah-tanah orang lain. Mereka yang mempunyai tanah sawah pula dan sekiranya ini masih diusahakan, kerja-kerja bersawah diselenggarakan sebelah petang apabila sampai musimnya. Tetapi keadaan sebenar yang terdapat masa kini ialah kebanyakan tanah-tanah sawah sudah tidak diusahakan lagi. Oleh itu mereka yang tidak menanam padi, masa di sebelah petang akan dipenuhi dengan membuat kerja-kerja sampingan. Kalau tidak masa di sebelah petang itu akan hanya terbuang begitu sahaja.
- 6.3 Penggunaan masa langsung tidak dibuat perhitungan dan pencarian sebagai penoreh getah cuma memadai untuk penyaraan pada hari itu. Apabila tiba musim hujan keadaan hidup menjadi genting kerana penorihan getah tidak dapat dilakukan.
- 6.4 Satu perubahan hendaklah dilakukan supaya dapat memberi pengertian kepada peladang-peladang kita bahawa pertanian itu perlulah dianggap sebagai satu operasi perniagaan dan bukan lagi sebagai satu cara hidup. Dalam operasi perniagaan modal hendaklah diambil kira dan masa itu, antara lain, adalah dianggap sebagai sebahagian daripada modal. Apabila pelaburan modal telah dibuat untung rugi harus diperhitungkan. Setiap perusahaan itu haruslah diteliti dan dirancang dengan cara yang terperinci supaya mengelakkan daripada kerugian dan mendapatkan keuntungan yang tinggi.

- 6.5 Apabila sudah ada kesedaran ini iaitu perubahan sikap antara petani-petani kita barulah timbul inisiatif, kerajinan dan ketekunan bekerja yang bertujuan untuk mempertingkatkan keuntungan atau laba daripada sesuatu perusahaan pertanian tadi. Di sinilah jejak permulaan yang pertamanya.
- 6.6 Berbalik kepada penyelesaian untuk memulihkan semula tanah-tanah adat, haruslah diteliti masalah dari semua sudut. Sebagaimana yang telah dihuraikan di atas dan daripada angka-angka yang telah diperolehi tanah-tanah adat atau pesaka itu terdiri daripada tanah padi. Sama ada hendak ditanam dengan padi semula ataupun dengan lain-lain jenis tanaman perlulah diperhitungkan mengikut merit keadaan atau situasi di sesuatu tempat itu kerana berbagai faktor saling berhubung kait.
- 6.7 Dari segi ekonomi, oleh kerana tingginya kos pengeluaran, penggunaan tenaga yang intensif dan penghasilan yang rendah berbanding dengan tanaman-tanaman lain, maka penanaman padi tidak begitu menguntungkan. Sekiranya diusahakan secara kecil-kecilan. Oleh itu harus jua difikirkan pilihan jenis-jenis tanam-tanaman lain yang boleh menghasilkan pengeluaran yang lebih tinggi. Dalam konteks ini tanaman dari jenis-jenis tanaman pokok kekal seperti getah, kelapa sawit, koko dan lain-lain adalah lebih berpotensi jika dibandingkan dengan tanaman padi. Sebagai perbandingan, angka-angka yang ditunjuk dalam Jadual 4 menggambarkan penghasilan daripada tiga jenis tanaman iaitu padi, getah dan kelapa sawit.
- 6.8 Daripada angka-angka seperti dalam Jadual 4 di sebelah jelas menunjukkan bahawa tanaman padi yang paling rendah sekali mengeluarkan hasil dalam kiraan matawang jika dibandingkan dengan tanaman getah dan kelapa sawit. Kos pengeluaran untuk padi (\$570/tahun) adalah tertinggi sekali jika di-

Jadual 4

Bandingan Pengeluaran/Pendapatan
Antara Tanaman Padi, Getah dan Kelapa Sawit.

Kenyataan/Ha	Padi	Getah	Kelapa Sawit
Pengeluaran/Ha.	2 tan m.	1100	20 tan m.
Harga/tan metrik	\$ 628	\$1600	\$ 115
Jumlah pendapatan (Gross)	\$1256	\$1760	\$2300
Jumlah kos pengeluaran	\$ 570	\$ 210	\$ 358
Jumlah Pendapatan (Bersih)	\$ 686	\$1550	\$1940
Pendapatan/bulan	\$ 57	\$ 129	\$ 162

bandingkan dengan getah atau kelapa sawit. Sementara itu pendapatan purata daripada tanaman padi sebanyak \$57.02/ha sebulan sangatlah rendah berbanding dengan getah (\$129.00/ha) dan kelapa sawit (\$162.00/ha) sebulan. Daripada perbandingan angka-angka ini jelaslah menunjukkan bahawa di mana-mana keadaan yang sesuai perubahan jenis tanaman perlu dilakukan daripada padi kepada getah atau kelapa sawit.

Sesetengah peladang telah menyedari tentang hal ini dan ada di antara mereka yang telah berusaha sendiri untuk mengubah corak tanaman dalam tanah masing-masing. Tetapi bilangannya adalah segelintir sahaja dan tidak signifikan. Tanah terbiar masih berluasa.

- 6.10 Jika dikaji sebab-sebabnya kita akan dapati bahawa seseorang petani itu terkongkong dan tidak dapat berbuat sesuka hati sahaja walaupun sudah menyedari tentang keuntungan untuk menanam lain-lain jenis tanaman.
- 6.11 Faktor-faktor utama yang menghalang peladang-peladang menukar jenis tanaman dalam tanah masing-masing ialah:

6.11.1 Syarat tanaman

Dalam tiap-tiap geran tanah ada tercatat syarat tanaman. Tuan-tuan tanah tidak dibenarkan untuk menukar tanaman kepada jenis tanaman yang lain kecuali apa yang telah dituliskan itu sahaja melainkan sudah diluluskan permohonan untuk palingan syarat tanaman oleh Pejabat Tanah. Untuk memohon membuat pindaan ini sangat rumit dan memakan masa yang lama. Petani yang tidak faham tentang selok beloknya mendapati sukar untuk berbuat demikian.

6.11.2 Keluasan tanah yang kekal

Sebagaimana yang telah diterangkan tanah-tanah yang terbiar yang kebanyakannya terdiri daripada tanah sawah sangat sempit

keluasannya akibat pemecahan. Tanah yang kecil ini yang umumnya anggaran 2 ekar sahaja adalah tidak ekonomis untuk diusahakan dan tidak berkemampuan untuk menjamin pendapatan yang mencukupi.

6.3.11 Kos pembangunan

Kos pembangunan atau belanja permulaan bagi penanaman getah dan kelapa sawit adalah tinggi. Untuk menanam kelapa sawit atau getah melibatkan perbelanjaan anggaran \$3,500.00 satu hektar. Di samping itu tuan tanah tidak mendapat apa-apa hasil dari tanahnya selama kira-kira 4 tahun sebelum pokok-pokok mengeluarkan hasil. Bantuan tanaman semula tidak ada jika tanah itu disyaratkan dengan tanaman padi walaupun keadaan sesuai untuk tanaman getah atau kelapa sawit.

6.12 Di atas tadi cuma menggambarkan tiga penghalang dan ada banyak lagi faktor lain sekiranya hendak dibuat penelitian yang lebih lanjut. Oleh itu ketiga-tiga masalah ini hendaklah diatasi terlebih dahulu sekiranya usaha untuk memulihkan tanah terbiar hendak dijayakan.

6.13 Berpandukan kepada tiga faktor di atas, dasar-dasar yang sesuai perlu digubal untuk memastikan supaya:

- (1) dapat kelonggaran mengubah syarat tanaman,
- (2) percantuman tanah dapat dilakukan untuk pelaksanaan projek yang "viable" dengan berkesan, dan
- (3) mengadakan modal yang mencukupi untuk mengusahakan tanah.

6.13.1 Kelonggaran mengubah syarat tanaman

Kelonggaran mengubah syarat tanaman penting diadakan kerana di dalam usaha memodenkan pertanian peraturan-peraturan seperti yang berkuatkuasa pada hari ini tidak lagi sesuai. Pemodenan pertanian tidak membenarkan peraturan bahawa kalau ditanam

dengan padi hanya padi sahaja dan kalau ditanam dengan getah, cuma getah sahaja yang dibenarkan. Peraturan itu terlalu ketat dikenakan dan keadaan pada hari ini mungkin sudah berubah. Misalnya kalaulah sesuatu kawasan itu dahulunya ditanam dengan padi seperti yang disyaratkan dalam geran tetapi oleh sebab kekurangan bekalan air, maka padi tidak lagi sesuai untuk ditanam. Oleh yang demikian tanah itu harus ditanam dengan tanaman lain yang sesuai. Kalaulah tanah padi itu cuma dapat diusahakan dalam satu musim sahaja sebab bekalan air semat-mata bergantung kepada air hujan, jadi tanaman selingan seperti sayur-sayuran, jagong, tembakau dan lain-lain boleh pula diusahakan selepas musim menanam padi. Oleh itu adalah jelas bahawa peraturan mengenai syarat tanaman perlu disemak semula.

6.13.2 Percantuman tanah

Sebagaimana yang telah dijelaskan bidang tanah yang kecil-kecil adalah tidak ekonomis untuk diusahakan. Bagi memulihkan semula tanah-tanah yang terbiar itu ikhtiar hendaklah dijalankan supaya tanah-tanah yang berhampiran, walaupun tuannya ramai, dapat dikumpul dan dimajukan secara berkelompok. Ini bukan pula bermakna bahawa tuan-tuan tanah terpaksa menyerahkan hak milik masing-masing. Tujuannya ialah sambil matlamat percantuman tanah dapat dicapai bagi maksud sesuatu perusahaan pertanian yang menguntungkan, tuan tanah tidak kehilangan hak milik, tetapi sebaliknya dapat mendatangkan hasil untuk menambahkan mata pencarian. Perkara ini harus dikaji secara terperinci dan petani-petani hendaklah diberikan penerangan yang sejelas-jelasnya. Isu tanah berkemungkinan menjadi isu yang sensitif dan mengelirukan petani-petani sekiranya tidak dilaksanakan dengan cara yang teliti.

6.13.3 Modal yang mencukupi

Sama ada sesuatu projek itu akan berjaya atau tidak bergantung

kepada adanya atau tidak modal yang mencukupi. Sumber kewangan perlu dicari sebelum projek dapat dimulakan. Kalau tidak rancangan dahulu hanya akan tinggal rancangan sahaja. Dalam perkara ini satu dasar perlu diadakan supaya sumber kewangan tidak menjadi penghalang kepada pelaksanaan sesuatu projek pemulihan tanah terbiar yang telah dirancang. Mungkin salah satu daripada punca ataupun kombinasi daripada punca-punca berikut ini dapat diwujudkan:

- (1) Pinjaman daripada Tabung Khas agensi Kerajaan yang bertanggungjawab seperti FELCRA, Lembaga Pertubuhan Peladang, Lembaga Kemajuan Tanah Negeri dan lain-lain.
- (2) Pinjaman Bank seperti Bank Pertanian atau lain-lain bank komersial.
- (3) Penjualan saham kepada ahli-ahli samada dengan wang ataupun tanah dianggap sebagai saham modal.
- (4) Lain-lain punca kewangan yang difikirkan menasabah.

7. PRINSIP PELAKSANAAN

- 7.1 Sekiranya dasar-dasar yang sesuai dapat digubal bagi mengatasi masalah seperti yang diterangkan di atas tadi, maka barulah dapat difikirkan kaedah pelaksanaan bagi pemulihan tanah-tanah terbiar. Di dalam perkara ini ketika membentangkan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat di Dewan Rakyat pada 29hb. Mac, 1984, Y.A.B Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengumumkan satu dasar yang berkait rapat dengan pemulihan tanah terbiar. Beliau telah mengumumkan bahawa estet-estet padi dan industri-industri kecil akan diwujudkan dalam pelaksanaan program pertanian berkelompok dan pengumpulan kampung-kampung berhampiran bagi dijadikan bandar kecil untuk mengubah corak kehidupan masyarakat luar bandar.

- 7.2 Inilah satu-satunya dasar yang sangat wajar dan boleh mengatasi masalah tanah terbiar yang terdapat pada hari ini. Apabila tanah-tanah ini dipulihkan semula melalui skim ladang berkelompok, sudah tentu pengeluaran dari setiap unit tanah akan meningkat. Dengan menggunakan teknik-teknik moden pertanian seperti penggunaan jentera, baja, pengurusan yang profesional dan lain-lain input lagi, maka kejayaan dalam usaha pemulihan tanah terbiar ini akan tercapai.
- 7.3 Apakah kaedah yang sesuai sekali untuk memulihkan tanah-tanah adat di Negeri Sembilan? Sayugia diingat semula bahawa tanah-tanah adat ini pada majoritinya ialah tanah sawah. Dalam usaha memulihkan tanah-tanah ini haruslah dipastikan tidak ada apa-apa keraguan yang akan timbul di kalangan tuan-tuan tanah yang hak miliknya dijadikan persoalan.
- 7.4 Pada prinsipnya dasar yang telah digubal oleh Kerajaan untuk meujudkan estet padi secara berkelompok adalah sesuai supaya dijadikan garis panduan. Cuma dari segi perincian sahaja yang harus dikaji. Ini terpaksa kita mengambil pengalaman dari tempat-tempat lain yang pernah mengushakan projek yang sama dan disesuaikan dengan keadaan setempat.

8. USAHA PEMULIHAN

- 8.1 Usaha-usaha pemulihan haruslah ditumpukan ke atas kawasan-kawasan yang ada potensi untuk mencapai kejayaan. Ini termasuklah pertanian, perikanan dan ternakan. Cara yang wajar ialah bagi meneruskan penanaman padi dua musim setahun sekiranya tanah sawah berkenaan ada potensi kejayaan untuk itu.
- 8.2 Tanah sawah yang tidak boleh ditanam padi dua kali setahun atau tidak lagi sesuai dengan padi akan diubah corak tanamannya kepada tanaman kontan atau tanaman kekal seperti getah, kelapa, kelapa sawit dan sebagainya yang sesuai.

- 8.3. Sebaliknya jika tuan-tuan tanah mahukan penanaman padi walau pun untuk satu musim sahaja setahun boleh juga di lakukan dan tanaman jangka pendek akan ditanam pula di luar musim untuk menambah pendapatan mereka.
- 8.4. Kesemua di atas boleh dijadikan prinsip untuk program pemulihan tanah sawah terbiar di Negeri Sembilan. Masalah utama perlu dikenalpasti dan diselesaikan untuk menentukan kejayaan. Kementerian Pertanian Malaysia telah mengiktiraf masalah berikut sebagai masalah utama:
- 1) Pengurusan
 - 2) Modal
- 8.5. Berhubung dengan pengurusan Kementerian tersebut telah menyediakan tiga model pengurusan yang sesuai mengikut keperluan setempat dan keadaan kawasan seperti berikut:

Perladangan Secara Individu

Model ini dilaksanakan di mana peserta-peserta projek mengusahakan tanah mereka sendiri dan jika berkemampuan boleh juga menyewa tanah-tanah yang tuan punya tidak mahu mengusahakan.

Jabatan dan agensi kerajaan membantu menyediakan kemudahan asas dan bantuan-bantuan input dan khidmat sokongan dan disalurkan secara bersepadu.

Bantuan diberikan kepada seseorang petani mengikut kelayakan masing-masing. Setiap peserta didaftarkan dan pihak berkuasa pasti keluasan tanah yang dikerjakannya.

Perladangan Secara Berkelompok

Projek pemulihan dipelopori oleh satu badan khusus seperti Pertubuhan Peladang Kawasan atau kumpulan peladang.

Kumpulan ini bertindak sebagai unit pengurusan di peringkat projek. Tanah disewa dari tuan-punya dan dikelompokkan ke bawah satu unit yang diusahakan bersama.

Projek menerima bantuan jabatan atau agensi kerajaan di mana sesuai melalui program subsidi dan khidmat-khidmat sokongan.

Perbelanjaan pemulihan, selain dari bantuan kerajaan, ditanggung oleh badan atau kumpulan itu dan segala faedah diperolehi oleh badan pengurus atau kumpulan yang mengendalikan projek.

Tenaga pekerja diambil secara upah.

Perladangan secara syarikat ataupun agensi pengurusan

Projek pemulihan diurus dan dilaksanakan mengikut kaedah pengurusan estet di mana pengusaha akan menanggung kos pembangunan dan pelaksanaan serta risiko.*

- 8.6. Model pertama mungkin sukar hendak digunakan kerana bilangan petani-petani yang berkemampuan agak terhad. Pilihan antara model kedua dan ketiga agak sesuai.
- 8.7. Dalam konteks pemulihan tanah adat di Negeri Sembilan ada baiknya dilibatkan Dato' Lembaga dan Buapak dalam sistem pengurusan yang dicadangkan. Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan kerjasama daripada semua anak-anak buah yang mempunyai tanah-tanah terbiar yang dipulihkan semula.
- 8.8. Sistem yang agak sesuai sekali bagi maksud ini ialah mencontohi model kedua di atas. Corak pengurusan berbentuk struktur pentadbiran Pertubuhan Peladang Kawasan di mana Dato-dato Lembaga dan Buapak akan menganggotai sebagai ahli-ahli dalam Lembaga Pengarah kumpulan itu.
- 8.9. Pengurusan untuk menentukan tadbiran hari-hari dengan licin hendaklah diselenggarakan oleh sekumpulan anggota yang

* Utusan Malaysia, Jun 22, 1983.

10.2. Industri Sampingan

Selain daripada perusahaan utama yang telah dipilih bagi sesuatu kawasan itu, industri-industri sampingan hendaklah dirancangkan juga. Tujuannya ialah supaya dapat lagi membuka peluang-peluang pendapatan penduduk-penduduk tempatan. Dengan itu juga oleh kerana adanya jaminan penyaraan hidup yang tetap maka penghijrahan akan dapat disekat. Sambil itu perkara ini juga akan menjadi punca kepada pertumbuhan kawasan desa sebagai satu "spin-off" dari usaha perladangan berkelompok.

11. PENUTUP

Dengan adanya kesedaran dari segenap lapisan rakyat untuk memulihkan semula tanah-tanah terbiar yang selama kini telah merugikan rakyat dan negara dan dengan adanya sokongan dan bantuan kerajaan yang positif, nescaya projek pemulihan tanah terbiar yang sedang giat dirancang dan dilaksanakan tidak akan sia-sia sahaja. Dengan usaha yang tekun dan gigih serta penuh kesabaran insya Allah akan mencapai kejayaan jua akhirnya.

terlatih sebagaimana terdapat dalam pelaksanaan mini-estet yang ada sekarang.

9. TENAGA KERJA

- 9.1. Tenaga akan diambil dari kalangan petani-petani sendiri dengan dibayar gaji pada tiap-tiap hari bekerja. Sekiranya ini sukar didapati maka kerja akan dikendalikan secara borong.
- 9.2. Di samping itu latihan asas pertanian hendaklah diadakan di tempat-tempat rancangan berkelompok itu sendiri. Perhatian hendaklah ditumpukan kepada anak-anak muda setempat supaya dapat memberikan kemahiran asas dan akhirnya mereka ini akan diserap untuk menjalankan pekerjaan dalam rancangan itu kelak. Dengan cara ini juga adalah diharap supaya dapat memberi pekerjaan yang tetap dan tidak menggalakkan mereka untuk berhijrah ke tempat lain seperti sekarang ini.

10. LAIN-LAIN KEMUDAHAN

10.1. Mempersepadukan Aktiviti

Industri padi secara tradisional lebih menguntungkan orang lain daripada penanam-penanam itu sendiri. Pembeli, pengilang, pemborong padi dan pengedar beras mendapat untung lebih besar daripada pesawah-pesawah. Ini disebabkan sebahagian besar daripada "value-added" dalam industri padi adalah selepas daripada padi keluar dari baloh. Oleh itu adalah wajar jika ladang-ladang berkelompok ini mempersepadukan aktiviti pengeluaran padi dengan aktiviti mengilang, memproses dan memasarkan beras supaya semua "value-added" dalam usaha penanaman padi dapat dipulangkan kepada ladang ladang berkelompok tadi.